



# LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

## SURAT PEKELILING 1/95

### *Meletakkan Nombor Pendaftaran Firma Di Dalam Papan Tanda Projek.*

Tuan/Puan,

1. Sejak kebelakangan ini terdapat firma-firma ukur bahan yang tidak berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia memberikan perkhidmatan ukur bahan bahkan ada yang meletakkan nama Firma-Firma tersebut di papan-papan tanda projek. Ini jelas bertentangan dengan Akta Juruukur Bahan 1967 dan tindakan sewajarnya sedang di ambil ke atas Firma sedemikian.

2. Sehubungan dengan ini, tuan-tuan adalah diarahkan untuk meletakkan nombor pendaftaran firma di samping nama firma di setiap papan tanda projek untuk memudahkan penguatkuasaan dan menyulitkan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab tersebut. Untuk panduan tuan/puan, format memasukkan butir-butir tersebut adalah seperti berikut:

AKITEK:	
JURUUKUR BAHAN: ABC JURUUKUR BAHAN	NO. PERMIT PENDAFTARAN (001 S.P)
KONTRAKTOR:	

3. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

Dato' Haji Abdul Rahman bin Abdullah  
Yang Di Pertua  
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia